



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (11 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **14 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,011 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

I. Daerah Kuching (14 Kes Baharu) (14 Kes Jangkitan Tempatan)

a) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 (12 Kes Baharu)

Terdapat 12 kes yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat dengan kes-kes positif yang telah dilaporkan sebelum ini. Sepuluh (10) orang telah menjalani saringan di fasiliti kesihatan kerajaan; seorang (1) telah menjalani saringan di sebuah hospital swasta dan seorang (1) kes telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah di makmal perubatan di Bandaraya Kuching. Ringkasan dan perkaitan kes-kes ini adalah seperti berikut:

- i. Kes Ke-998 adalah ahli keluarga dan mempunyai kontak kepada kes Ke-867.
- ii. Kes Ke-1,000 adalah rakan sekerja dan kontak rapat kepada kes Ke-903.
- iii. Kes Ke-1,002 dan 1003 adalah rakan serumah dan kontak rapat kepada kes Ke-984.
- iv. Kes Ke-1,004 dan 1,005 adalah ahli keluarga dan kontak rapat kepada kes Ke-942. Kes Ke-1005 merupakan seorang bayi perempuan yang berumur tujuh (7) bulan.
- v. Kes Ke-1,006 adalah pembantu rumah warga negara Indonesia dan kontak rapat kepada kes Ke-983.
- vi. Kes Ke-1,007 adalah rakan dan kontak rapat kepada kes Ke-966.
- vii. Kes Ke-1,008 adalah ahli keluarga dan kontak rapat kepada kes Ke-869.
- viii. Kes Ke-1,009 adalah rakan dan kontak rapat kepada kes Ke-877.
- ix. Kes Ke-1,010 dan 1,011 adalah ahli keluarga dan kontak sosial serta kontak rapat kepada kes Ke-994. Kes Ke-1,010 telah mengalami demam, batuk dan sesak nafas pada 6 November 2020 dan kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada 10 November 2020 sebelum disaring untuk COVID-19.

Kes Ke-998, 1004, 1005, 1,008 dan 1,009 adalah kes-kes baharu yang mempunyai kontak rapat kepada kes-kes positif di dalam Kluster Greehill; manakala kes Ke-1,000, 1,006 dan 1,007 adalah kes-kes baharu yang mempunyai kontak rapat kepada kes-kes positif di dalam Kluster Wisma Saberkas.

Semua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan kontak-kontak lain kepada rangkaian kes ini sedang giat dijalankan.

b) Kes Saringan Kendiri COVID-19 (1 Kes Baharu)

Kes Ke-999 merupakan warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sendiri di sebuah klinik kesihatan kerajaan pada 9 November 2020. Kes merupakan seorang pekerja di sebuah syarikat pengedar bateri kereta di Bandaraya Kuching. Kes menjalani saringan sendiri kerana bimbang mempunyai kontak kepada kes positif yang tidak diketahui.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes ini juga tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau kawasan berisiko jangkitan COVID-19 di Malaysia. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

c) Kes Saringan Individu Yang Bergejala (1 Kes Baharu)

Kes Ke-1,001 merupakan warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana mengalami batuk dan demam pada 10 November 2020. Kes telah pergi ke sebuah klinik kesihatan kerajaan pada hari yang sama dan menjalani saringan COVID-19.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes ini juga tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau kawasan berisiko jangkitan COVID-19 di Malaysia. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak kepada kes ini juga sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat lima (5) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan lima (5) kes baharu positif COVID-19 yang dikaitkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada 87 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1,433 individu telah disaring, iaitu:

- 87 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,285 individu negatif dan
- 61 individu masih menunggu keputusan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 6.07%. Sehingga 11 November 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah 43 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari wad pengasingan di hospital. Ini menjadikan seramai 44 kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan tiga (3) kes baharu positif COVID-19 yang telah dikesan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai 39 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1,139 individu telah disaring, dimana:

- 39 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,028 individu negatif; dan
- 72 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 3.42%. Sehingga 11 November 2020, jam 12:00 tengah hari, terdapat lima (5) kes telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Ini menjadikan seramai 34 orang kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

iv) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 33 orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **20** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Seramai dua belas (12) kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak, enam (6) kes dari hospital Miri dan dua (2) kes dari Hospital Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **860** orang atau **85.06%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **132** orang iaitu:

- 111 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 21 kes di Hospital Miri

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 1.88%**.

Hari ini **26 PUI** baru telah dilaporkan dan **enam (6)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai **127** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (9-22 NOVEMBER 2020)

Hari ini sebanyak 7,538 jumlah kenderaan diperiksa semasa PKPB di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah kumulatif kenderaan diperiksa sebanyak 15,897.

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **27 kompaun** di Daerah Kuching (18), Padawan (4), Miri (2), Sibu (2) dan Sarikei (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **135 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (52), MPP (27), SMC (20), MD Marudi (19), BDA (11), MB Miri (2), Md Serian (2), MPKS (1) dan MD Sarikei (1).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,296 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (173), Restoran (263), Kilang (11), Bank (110), Pejabat Kerajaan (40), Penjaja (30), Pasar Tani/Awam (54), Tempat Ibadah (55), Tempat Riadah (34), Tapak Pembinaan (22) dan lain-lain (544).

Seramai **572 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (269), ATM (37), RELA (125), APM (84), PBT (49), KKM (3) dan lain-lain agensi (5).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,290** jumlah kenderaan telah diperiksa.

6. PERINGATAN DAN MAKLUMAN ORANG RAMAI

Adalah dimaklumkan bahawa semua laporan dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak adalah berdasarkan maklumat dan fakta sah, bukan maklumat yang dimanipulasikan. JPBN sentiasa berusaha melaporkan maklumat yang sah dan telus agar tidak mengelirukan orang awam.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
11 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	997	Total Cases still in ward	132	13.06%	
New Cases	14	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%	
Total Samples by Individu	161,566	Intubated Cases	0	0.00%	
Cumm. Positve Cases	1011	Total Death Cases	19	1.88%	
IR per 100,000 population	32.77	Recovered and discharged cases	860	85.06%	
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative	
Negative	8	9,388	Patient Under Investigation (PUI)	26	10,405
Pending Result	6	6			

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	111	0	0	21	0	132
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	12	0	2	6	20
	Cummulative	719	41	49	49	860
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH MERAH (1)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	25	6,928	14	669	12	551	0	12	106	133	127
Jumlah		25	6,928	14	669	12	551	0	12	106	133	127

DAERAH KUNING (3)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	262	0	7	0	4	0	0	3	4	4
2	Miri	0	907	0	54	6	35	0	1	18	19	14
3	Limbang	0	33	0	11	0	10	0	1	0	1	1
Jumlah		0	1,202	0	72	6	49	0	2	21	24	19

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	586	0	115	0	110	0	4	1	2	0
2	Bintulu	0	320	0	49	2	49	0	0	0	2	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	122	0	17	0	17	0	0	0	0	0
5	Lawas	0	26	0	8	0	4	0	0	4	4	0
6	Serian	0	318	0	25	0	25	0	0	0	0	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	2,275	0	270	2	260	0	5	5	8	0

Jumlah Besar	26	10,405	14	1,011	20	860	0	19	132	165	146
---------------------	-----------	---------------	-----------	--------------	-----------	------------	----------	-----------	------------	------------	------------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **88** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **29 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **2,325 orang**. Manakala seramai **30,692 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 11.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,369)	Hock Lee	120
2		Kuching Park	115
3		Hilton	246
4		Harbour View	245
5		Riverside (Astana Wing)	159
6		Tune Hotel	96
7		Dormani Hotel	63
8		Grand Continental	159
9		Meritin	78
10		Longhouse	88
11	Miri (465)	Mega Hotel	71
12		Imperial Palace	98
13		Eastwood Valley	53
14		Meritz	115
15		Miri	28
16		Dynasty	96
17		Citi Hotel	4
18	Bintulu (160)	Wasan Inn	20
19		Fairfield by Marriot	15
20		Kidurong Inn	35
21		Motel Kapok	46
22		Faber Inn	25
23		AA Inn	19
24	Limbang (199)	Purnama	70
25		Seri Malaysia (Lawas)	112
26		Shangshan (Lawas)	0
27		Mandarin (Lawas)	17
28	Sibu (93)	Premier	93
29	Samarahan (39)	Kolej Rafflesia, UNIMAS	39
Jumlah PUS			2,325

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **3 lokasi di Kuching (2) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,955 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 11.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	648
2	Miri	1	373
3	Sibu	TIADA	189
4	Samarahan	TIADA	129
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	90
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			1,955

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **55 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 11.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	4
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	6
4	MP Sibu	9
5	BDA	3
6	MCC	15
7	MD Marudi	5
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	8
Jumlah		55